



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

STATUS TERKINI PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SABAH FASA 1A JAJARAN WP8: SEPANGGAR - BULATAN BERUNGIS

KOTA KINABALU, SABAH - YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya hari ini telah mengadakan lawatan kerja ke Pakej Kerja 8 (WP8) Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah Fasa 1A bagi memantau perkembangan terkini kemajuan fizikal projek.

2. Pakej Kerja 8 ini adalah kerja menaik taraf Jalan dari Sepanggar ke Bulatan Berungis sepanjang 11.7 Kilometer (KM) yang kini telah mencapai kemajuan kerja fizikal sebanyak 68.65%. Jajaran ini adalah salah satu Pakej Jalan Lingkaran Luar Kota Kinabalu / Kota Kinabalu Outer Ring Road (KKORR) yang di bina bertujuan untuk menyuraikan pergerakan aliran trafik bagi mengurangkan kesesakan lalulintas terutama pergerakan trafik keluar dan masuk ke Bandaraya Kota Kinabalu.

3. Antara cabaran dalam fasa pembinaan ini adalah proses pengalihan utiliti yang memerlukan koordinasi yang teliti bersama syarikat penyedia utiliti. Selain itu, terdapat perubahan dalam reka bentuk dan skop projek seperti penambahan litar baharu utiliti dan ini memerlukan pengesahan reka bentuk serta pelarasan pelan pembinaan. Walaupun, perkara ini memberi impak kepada kemajuan kerja namun pasukan projek terus komited menguruskan proses ini dengan berwaspada kerana perkhidmatan utiliti ini merupakan keperluan penduduk sekitar.

4. Kementerian Kerja Raya (KKR) juga menegaskan agar pihak kontraktor menitik beratkan Pelan Pengurusan Trafik yang sistematik bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya di maksimumkan dan juga bagi mengurangkan impak kesesakan jalan raya.

5. Secara keseluruhan, status kemajuan pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1A sehingga Ogos 2024 bagi 15 pakej yang dilaksanakan ialah sebanyak 79.48%. Sebanyak empat (4) Pakej Kerja telah siap dan di buka kepada pengguna jalan raya manakala pakej kerja selebihnya berada di pelbagai peringkat pembinaan dan di jangka akan siap keseluruhannya secara berfasa selewat lewatnya pada suku pertama tahun 2026. Anggaran jarak keseluruhan Fasa 1A adalah 283 Kilometer (KM).

6. KKR berharap pasukan pembinaan dapat mengekalkan momentum penyiapan projek ini dengan menepati mutu yang ditetapkan dari segi kualiti, kos dan masa selari dengan hasrat Program MYJalan KKR yang ingin menyediakan infrastruktur yang selesa dan selamat kepada semua rakyat Malaysia Madani secara konsisten.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
6 OKTOBER 2024